



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN		
TARIKH	: 25/9/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	: PENTADBIR TANAH DAN GALIAN / AIR SELANGOR		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Ceroboh tanah kerajaan di Bukit Beruntung

Musnah kebun, sita aset penceroboh

PTG Hulu Selangor bakal jalankan operasi hapuskan tanaman milik warga asing

Oleh Md Fuzi Abd Lateh
bhnews@bh.com.my

Hulu Selangor: Pentadbir Tanah dan Galian (PTG) Hulu Selangor akan menjalankan operasi dalam tempoh terdekat, untuk memusnahkan tanaman dan menyita aset milik warga asing yang menceroboh tanah kerajaan di Bukit Beruntung, di sini.

Pegawai Daerahnya, Musa Ramli, berkata mesyuarat khas bersama beberapa agensi berkaitan berhubung pelaksanaan operasi itu akan diadakan pada minggu ini.

"Beberapa agensi antaranya Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Tenaga Nasional Ber-



Keratan akhbar BH pada 8 September lalu.

Penceroboh tidak akan terlepas hukuman setimpal mengikut undang-undang.

Musa Ramli,
Pegawai Daerah Hulu Selangor

ta, dalam operasi yang dijalankan itu pihaknya akan memotong bekalan air dan elektrik digunakan penceroboh tanah terbabit.

"Kami berharap masalah ini dapat diselesaikan segera demi memastikan semua pihak, termasuk warga asing tidak lagi menceroboh tanah kerajaan untuk kepentingan pribadi.

"Penceroboh tanah kerajaan tidak akan terlepas daripada hukuman setimpal mengikut undang-undang yang dipertanggungjawabkan," katanya.

Ahad lalu, BH melaporkan 26 pekebun sayur warga asing, termasuk 23 dari Bangladesh ditahan jabatan Imigrasi.

Dalam operasi jam 6 pagi itu, 160 anggota penguat kuasa Imigrasi menggepung kawasan kebun sayur seluas 60 hektar yang dipercayai diteroka secara harafiah sejak 10 tahun lalu.

Sebelum ini, BH melaporkan kelegian warga asing menceroboh tanah kerajaan dan persendirian di Bukit Beruntung di sini, terserlah apabila notis pengosongan kawasan dikeluarkan PTG

Hulu Selangor tak diendahkan.

Meskipun papan dengan notis pengosongan kawasan dipacak atas tanah yang diceroboh, tindakan BH mendapati kerja pembaikan tanah untuk kebun sayur masih dijalankan, tanpa ada tanda mereka akan berhenti daripada melakukan aktiviti itu atau keluar dari situ.

Notis Amaran Pendudukan Secara Tidak Sah itu sudah dikeluarkan oleh PTG

Hulu Selangor terhadap semua penceroboh terbahiti mengikut Seksyen 425 dan 426A(1)(a), (b) dan (c) Kanun Tanah Negara 1963 sejak 29 Julai lalu.

Menyerusi notis itu, semua penceroboh diberi tempoh

14 hari untuk meninggalkan kawasan berkenaan, bersama semua peralatan dan kelengkapan yang dibawa ke situ selama ini.

Berikutan itu, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, mengarahkan PTG Hulu Selangor mengambil tindakan segera, berikutan pencerobahan berterusan warga asing di tanah kerajaan serta persendirian di Bukit Beruntung, Hulu Selangor.



BH TV